

Kebakaran akibat litar pintas boleh dielak

SELASA lalu negara dikejutkan dengan insiden kebakaran Wad Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Aminah (HSA) di Johor Bahru yang mengorbankan enam nyawa.

Mangsa yang terkorban ialah C. Neermaladevi, 24; K. Logeswaran, 20; M. Kaliama, 23; Toh Ah Wah, 60; Yusof Hassan, 53, dan Choo Lin Fong, 37. Tiga daripada korban merupakan kaum India yang akan menyambut perayaan Deepavali esok yang tentunya memberi kesan emosi berganda kepada keluarga mending. Dalam kejadian sama, tiga kakitangan hospital turut cedera.

April lalu pula, dua beradik, Muhammad Darnish Irfan Muhd. Azmi, 15, dan adiknya Muhammad Darnish Israk Muhd. Azmi, 14, ditemui rentung manakala ibu mereka melecur selepas kediaman mereka di Jalan Batu 4, Ijok di Kuala Selangor hangus.

Sementara itu, Januari lalu, seorang bayi perempuan berusia tiga bulan dan bapanya, Nazri Zainal Abidin, 29, rentung dalam kebakaran di Kampung Nelayan, Balik Pulau, Pulau Pinang.

Semua kejadian tersebut mempunyai satu persamaan iaitu berpunca daripada litar pintas.

Namun, tahukah anda semua kejadian tersebut boleh dielak sekiranya isu keselamatan penggunaan elektrik dititikberatkan? Selain penyelenggaraan berkala, arus bebanan elektrik juga wajib dipantau supaya tidak melebihi had penggunaan.

Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Mohd. Zainal Abidin Ab. Kadir tidak menolak kemungkinan kelemahan dalam faktor penyelenggaraan menjadi punca utama semua kejadian kebakaran tersebut.

Jelasnya, pemeriksaan secara berjadual perlu dilakukan sama ada di unit kediaman ataupun bangunan-bangunan awam serta komersial bagi memastikan pendawaian serta sambungan elektrik sentiasa berada dalam keadaan baik.

"Sepatutnya isu keselamatan tidak boleh dikompromi dari segi duit apatah lagi banyak peralatan elektrik sekarang diimport dari China dengan kebanyakan



Di Sebalik
Isu Panas

Bersama
MANIRAH OTHMAN

nya kurang berkualiti selain tidak mendapat perakuan daripada Institut Piawai dan Penyelidikan Malaysia (SIRIM).

"Peralatan serta pendawaian elektrik perlu diperiksa dengan kerap berdasarkan prosedur pengoperasian selain mengelak kecuaiian ketika mengendalikan peralatan elektrik.

"Kadangkadangkala itu (keselamatan elektrik) kita tidak peduli tetapi dalam hal ini kita tidak boleh berkompromi kerana jika berlaku kebakaran,

ia akan menyebabkan kerugian harta benda dan lebih teruk mengakibatkan kehilangan nyawa," katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd. Sani Harul memberitahu, pendawaian elektrik di rumah perlu diperiksa setiap lima tahun bagi memastikan ia berada dalam keadaan baik.

Pendawaian elektrik juga perlu ditukar sekiranya penilai yang membuat pemeriksaan mendapati pendawaian sedia ada berisiko dan boleh mencetuskan kebakaran.

"Orang ramai dinasihatkan supaya mengupah juruelektrik bertauliah yang mempunyai sijil kelayakan dan bukannya mereka

yang tidak mempunyai kelulusan untuk membaik pulih sebarang masalah pendawaian elektrik di rumah biarpun terpaksa membayar harga yang lebih tinggi.

"Penyambungan elektrik juga tidak boleh dilakukan terlalu banyak sehingga melebihi beban tenaga kerana ia juga dapat mencetuskan kebakaran," katanya.

Jelasnya, penggunaan alat elektrik secara berlebihan dan tanpa henti juga perlu dielakkan kerana setiap peralatan elektrik mempunyai had beban tertentu.

Jika digunakan secara kurang berhemah, penebat pada produk terabit tidak akan berupaya menampung bebanan arus elektrik berlebihan sekali gus mencetuskan kejadian litar pintas.

Dalam pada itu, Sani menjelaskan, mengikut statistik, sepanjang tahun lalu sebanyak 391 kes daripada 6,955 kejadian kebakaran di Selangor berpunca akibat litar pintas. Jumlah kejadian daripada punca sama tahun ini sehingga bulan lalu ialah sebanyak 166 daripada 7,406 kes kebakaran.

Selain itu katanya, antara punca kejadian yang sering dilaporkan ialah sengaja dibakar, serta kebakaran berpunca daripada dapur dan puntung rokok.

Ramai yang terlepas pandang mengenai isu keselamatan elektrik ini. Selagi lampu boleh dinyalakan, telefon bimbit serta peranti elektronik boleh dicas dan peralatan elektrik boleh digunakan, mereka berpendapat kebakaran tidak mungkin berlaku.

Bagaimanapun, kita jangan terus leka kerana musibah boleh berlaku pada bila-bila masa. Tiada gunanya menyesal selepas kemusnahan terjadi kerana ia sebenarnya boleh dielak awal-awal lagi. Jangan sudah terhantuk baru hendak terngadah.

Penyambungan elektrik juga tidak boleh dilakukan terlalu banyak sehingga melebihi beban tenaga kerana ia juga boleh mencetuskan kebakaran.

